

**PERSPEKTIF SAYYID QUṬB TENTANG ISU PENJAGAAN PANDANGAN
BERDASARKAN AYAT 30-31 SURAH AL-NUR
THE PERSPECTIVE OF SAYYID QUṬB ON THE ISSUE OF LOWERING
THE GAZE BASED ON QURANIC VERSES 30-31 OF SURAH AL-NUR**

Wan Ramizah Hasan^{1*}, Dr Mohd Farid Ravi Abdullah², Prof Madya Dr. Adnan bin Mohamed Yusoff³

1 Pensyarah, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS) wanramizah@kuis.edu.my

2 Pensyarah, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS) faridravi@kuis.edu.my

3 Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) adnan@usim.edu.my

*Penulis penghubung

Artikel diterima: 7 Okt. 2020

| Selepas Pembetulan: 14 Okt. 2020

| Diterima untuk terbit: 23 Nov. 2020

Abstrak

Kupasan tentang menjaga pandangan dalam ayat 30-31 surah al-Nur kurang diperbincangkan secara *mawḍūʿī* atau tematik dalam kitab-kitab tafsir. Walau bagaimanapun kajian pensejarahan mendapati bahawa kitab tafsir *Fi Zilāl al-Qurʾān* karangan Sayyid Quṭb adalah salah satu kitab tafsir terbaik yang ditulis berasaskan objektif surah. Justeru, penulisan ini dilakukan bertujuan mengkaji apakah pendapat dan perspektif Sayyid Quṭb tentang menjaga pandangan yang terdapat dalam surah al-Nur, ayat 30-31. Metode yang digunakan dalam penulisan ini ialah analisis kandungan terhadap kitab-kitab tafsir dan hadis serta kajian-kajian ilmiah seperti tesis, jurnal-jurnal dan kertas-kertas penyelidikan. Kajian mendapati bahawa tafsiran tentang menjaga pandangan telah dikupas dengan amat terperinci dalam kitab *Fi Zilāl al-Qurʾān*. Selain daripada menjaga pandangan adalah langkah pencegahan daripada perlakuan zina, beliau telah mengaitkan kepentingan menjaga pandangan dengan suasana masyarakat yang bersih dengan mendedahkan teori Freud yang tidak mendatangkan sebarang manfaat malah boleh merosakkan masyarakat. Sayyid Quṭb juga menjelaskan beberapa hukum yang berkaitan dengan menjaga pandangan, kesan-kesan dan akibat daripada tidak menjaganya. Penulisan ini penting kerana dapat menzahirkan pemikiran Sayyid Quṭb mengenai isu penundukan pandangan yang kurang mendapat tumpuan dalam kalangan pengkaji terkini sekaligus membuktikan penguasaan Sayyid Quṭb dalam berbagai ilmu yang dapat membantu mentafsirkan al-Quran al-Karim.

Kata kunci

Menjaga pandangan, surah al-Nur, Sayyid Quṭb, *Fi Zilāl al-Qurʾān*, *ghad al-baṣar*

Abstract

There are few discussions about the Islamic etiquette lowering the gaze as stated in Surah An-Nur verse 30-31 by the Quranic interpretive books (tafsir) in thematic method (mawḍūʿī). However, the historiography discovered an influential Quranic interpretive manuscript, *Fi Zilāl al-Qurʾān*. It is the best Quranic revelatory reference that discussed the content of the Surah objectively. Therefore, this study aims to discover the author's point of view about manners in lowering the gaze as stated in the Quran. The methodology of this study involves a content analysis of Quranic interpretive books, Hadith and reviews of existing studies from theses,

journals, and research papers. Through the analysis, this study found an extensive detail that conversed the morals of lowering the gaze through the book of Fi Zilal al-Qur'an. The book expressed this manner as prevention steps towards unlawful sexual activity (zina). It also suggested this behavior able to regulate the society to become more courteous. In contrast, the findings contradicted the Freud theory, which was found may harm the community. Sayyid Quṭb also highlighted a few Islamic laws related to the manner of lowering the gaze and the impacts of neglecting it. The author's perspective related to the issue was very significant. There are still limited numbers of discussions in the recent studies. Thus, the variety of knowledge by the author, Sayyid Quṭb proves the ability to enhance the interpretation in al-Qur'an al-Karim.

Keywords

Lowering the gaze, surah an-Nur, Sayyid Quṭb, Fi Zilāl al-Qur'ān, ghad al-baṣar

1.0. Pendahuluan

Antara nikmat Allah SWT yang wajib disyukuri oleh hamba-hamba-Nya adalah penglihatan.

Firman Allah SWT:

وَاللّٰهُ اَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُوْنِ اُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُوْنَ شَيْئًا وَّجَعَلَ لَكُمْ السَّمْعَ
وَالْاَبْصَارَ وَالْاَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُوْنَ

Maksudnya:

Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur.

Surah al-Nahl (16):78

Oleh sebab itu dalam surah al-Nur ayat 30-31, Allah SWT memerintahkan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan agar menundukkan pandangannya dan menjaga kemaluannya sebagai salah satu tanda mensyukuri nikmat-Nya:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِيْنَ يَعْضُوْا مِنْ اَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوْا فُرُوْجَهُمْ ذٰلِكَ اَزْكٰى لَهُمْ اِنَّ اللّٰهَ حَبِيْرٌ
بِمَا يَصْنَعُوْنَ وَقُلْ لِلْمُؤْمِنٰتِ يَعْضُضْنَ مِنْ اَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوْجَهُنَّ وَلَا
يُبْدِيْنَ زِيْنَتَهُنَّ اِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلٰى جُيُوْبِهِنَّ وَلَا يُبْدِيْنَ
زِيْنَتَهُنَّ اِلَّا لِبُعُوْلَتِهِنَّ اَوْ اَبَائِهِنَّ اَوْ اَبْنَاؤِهِنَّ اَوْ اَبْنَاؤِهِنَّ اَوْ اَبْنَاؤِهِنَّ اَوْ
اِحْوَانِهِنَّ اَوْ بَنِيْ اِحْوَانِهِنَّ اَوْ مَا مَلَكَتْ اَيْمَانُهُنَّ اَوْ
التَّابِعِيْنَ غَيْرِ اُولِيْ الْاِرْتَبَةِ مِنَ الرِّجَالِ اَوْ الطِّفْلِ الَّذِيْنَ لَمْ يَظْهَرُوْا عَلٰى عَوْرٰتِ
النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِرِجْلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِيْنَ مِنْ زِيْنَتِهِنَّ وَثُوْبُوْا اِلَى اللّٰهِ جَمِيْعًا اِنَّهَا
الْمُؤْمِنُوْنَ لَعَلَّكُمْ تَقْلِحُوْنَ

Maksudnya:

Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; Sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, Wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.

Surah al-Nur (24):30-31

Ibnu Kathir (2000) mengatakan bahawa ayat ini adalah perintah Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya yang beriman agar mereka menundukkan pandangan-pandangan mereka daripada apa yang diharamkan. Maka janganlah mereka memandang kecuali kepada apa yang dibolehkan. Al-Jauziyah (2007) menyatakan bahawa antara empat pintu masuk maksiat menuju manusia ialah *al-Lahazat* iaitu pandangan mata.

Walau bagaimanapun, huraian tentang menjaga pandangan secara *mawḍūʿī* atau tematik dalam kitab-kitab tafsir tidak banyak diperbincangkan dengan terperinci. Namun begitu, kajian pensejarahan oleh Zulkifli Mohd Yusof (2003) mendapati bahawa *Fī Zilāl al-Qurʾān* karangan Sayyid Quṭb adalah yang terbaik antara kitab tafsir yang membincangkan secara *mawḍūʿī* dan berbentuk pentafsiran berasaskan objektif surah. Ini menunjukkan bahawa berkemungkinan besar Sayyid Quṭb membicarakan isu penjagaan pandangan secara *mawḍūʿī* atau tematik.

Justeru, penulisan ini dilakukan bertujuan mengkaji apakah huraian yang terdapat dalam kitab *Fī Zilāl al-Qurʾān* tentang menjaga pandangan yang terdapat dalam surah al-Nur, ayat 30-31.

2.0. Metodologi Kajian

Kajian atau penyelidikan ini adalah berbentuk perpustakaan atau *arm chair research*. Ia berasaskan kepada kaedah *maktabi* (perpustakaan) dimana pencarian maklumat dan data lebih tertumpu kepada bahan-bahan bercetak terutamanya kitab-kitab dan teks klasik.

Dalam pengkategorian yang lebih spesifik, kajian ini juga dapat dikelaskan sebagai *content analysis*. Analisis kandungan adalah salah satu kajian analisis terhadap istilah-istilah, teks-teks, frasa-frasa, konsep-konsep dan seumpamanya yang terkandung dalam bahan-bahan bercetak seperti buku, kitab, jurnal, akhbar, laporan bertulis dan seumpamanya dan ataupun bahan elektronik seperti rancangan televisyen, radio, cakera padat dan seumpamanya. (Ole R. Holsti (1969), Robert Philip Weber (1990).

Kajian ini menggunakan metod analisis kandungan yang melibatkan kitab tafsir *Fi Zilāl al-Qur’ān* dengan memberi tumpuan kepada ayat 30-31 surah al-Nur

3.0. Pengenalan Ringkas Biografi Sayyid Quṭb dan Kitab *Fi Zilāl al-Qur’ān*

Nama lengkap Sayyid Quṭb ialah Sayyid bin Haji Quṭb bin Ibrahim Hussain Syazali, dilahirkan pada 9 Oktober 1906 di kampung Musya atau *Musyat*, salah satu kampung di daerah Asyut, Mesir. (Azmi Mohd Ali 1986) Keluarga beliau berasal dari keturunan India, iaitu sebelah datuknya. Ini diakui sendiri oleh Sayyid semasa al-Sayyid Abu al-Hasan Ali al-Husni al-Nadwi melawat Mesir pada tahun 1951 dan menyatakan bahawa beliau amat teringin untuk menziarahi negara India. Antara faktor utama adalah kerana datuknya yang keenam adalah seorang berbangsa India iaitu “*al-Faqir Abd Allah*”. (al-Khalidi 2000)

Dalam beberapa literatur biografi tokoh-tokoh Islam, Sayyid Quṭb adalah salah seorang yang aktif berjuang dengan tulisan. Karya-karyanya selain beredar di negara-negara Islam, juga beredar di kawasan Eropah, Afrika, Asia dan Amerika. Beliau menulis lebih daripada dua puluh buah buku yang diterjemahkan dalam pelbagai bahasa di dunia. Antara bukunya adalah Tafsir *Fi Zilāl al-Qur’ān*. (Sri Aliyah 2013)

Kajian Halipah Hamzah & Normala Rabu (2017) mendapati bahawa Sayyid Quṭb merupakan seorang ulama yang terbilang dan luas ilmu pengetahuannya. Beliau berani menegakkan yang hak dan membongkarkan kebatilan sehingga ditangkap, dipenjara dan dihukum mati. Beliau sememangnya layak untuk digelar mujtahid dan ulama ulung pada zamannya. Begitulah juga dengan kitab tafsir *Fi Zilāl al-Quran* yang mendedahkan isu-isu berkaitan umat Islam. Walaupun kitab ini tampak seperti sebuah kitab tafsir al-Quran tetapi motif sebenar pengarangnya adalah bertujuan untuk memberi kesedaran dan keinsafan kepada umat Islam terhadap segala permasalahan mereka. Di samping itu, kitab ini juga mengemukakan beberapa garis panduan bagi umat Islam membina kembali zaman kegemilangan mereka berpandukan al-Quran.

Dr. Ṣalāh ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, seorang pengkaji karya-karya Sayyid Quṭb dan penulis biografinya yang terkenal telah berkata: “Sayyid Quṭb dalam tafsir *Fi Zilāl al-Qur’ān* adalah dianggap sebagai *mujaddid* di dalam dunia tafsir kerana beliau telah menambahkan berbagai-bagai pengertian dan pemikiran serta pandangan tarbiyah yang melebihi tafsir-tafsir yang lalu, juga dianggap sebagai pengasas pengajian baru dalam ilmu tafsir, di mana beliau telah memperkenalkan aliran tafsir *haraki*.” (al-Khalidi 2000) iaitu sesuatu yang hidup, aktif dan mempengaruhi orang Islam serta mengajak mereka agar sentiasa hidup dan bergerak dengan al-Quran. (Syarifah Habibah 2016)

Kitab *Fi Zilāl al-Qur’ān* ditulis dalam bahasa arab dan mempunyai enam jilid. Kitab ini telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa asing, antaranya, bahasa Inggeris,

Perancis, Turki, Urdu, Indonesia, Afghan, Parsi (Al-Khalidi 2000) termasuk Malaysia. Kitab ini tersebar di kebanyakan negara di dunia Islam sama ada dalam bahasa asalnya atau dalam bentuk terjemahan. (Sayyid Quṭb 2000)

Fī Zilāl al-Qurʾān berbeza dari kitab-kitab tafsir yang lain kerana Sayyid Quṭb menggunakan satu metodologi pentafsiran yang memelihara pentafsiran al-Quran daripada perbicaraan sampingan dan selingan yang tidak dianjurkan oleh nas al-Quran. Beliau mengelakkan tafsirnya daripada perbincangan bahasa dan tata bahasa, perbincangan ilmu kalam, ilmu fiqah, dan cerita dongeng Israiliyyat yang sering terdapat dalam kebanyakan kitab tafsir. (Sayyid Quṭb 2000)

Oleh kerana Sayyid Quṭb dalam kitab tafsirnya menjelaskan ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan masyarakat dan berusaha untuk menangani penyakit-penyakit masyarakat maka corak penafsiran ini dikira *al-adab al-ijtimāʿī*. (Abdurrahman Rusli Tanjung 2014) Ini adalah salah satu corak penafsiran yang muncul apabila ulama mutakhir mula menafsirkan al-Quran dengan kembali pada cara penafsiran pada zaman nabi SAW dan dapat menarik pembaca mencintai al-Quran dan memotivasi untuk menggali makna-maknanya sesuai dengan kondisi zaman. (Syarifah Habibah 2016)

4.0. Huraian Sayyid Quṭb Tentang Menjaga Pandangan

Kajian terhadap kitab tafsir *Fī Zilāl al-Qurʾān* mendapati bahawa perbincangan tentang ayat 30-31 dalam surah al-Nur yang diutarakan telah dibincang dengan terperinci. Beberapa pendekatan dan pandangan Sayyid Quṭb dikupas dengan uslub yang menarik dan mudah difahami, antaranya adalah:

4.1 Menjaga Pandangan Adalah Langkah Pencegahan Daripada Perlakuan Zina

Dalam mukadimah surah al-Nur dalam *Fī Zilāl al-Qurʾān*, sebelum menghuraikan ayat 27-29, ada dijelaskan bahawa Islam tidak hanya bergantung kepada hukuman-hukuman hudud dalam usaha untuk mewujudkan masyarakat yang bersih, malah sebelum sesuatu yang lain ia bergantung kepada usaha-usaha pencegahan dan salah satunya adalah dengan menjaga atau menundukkan pandangan. Sayyid Quṭb (2010: 72) berkata:

Pusingan yang kedua membicarakan saranan-saranan mencegah jenayah zina dan menjauhkan diri dari sebab-sebab yang menimbulkan godaan-godaan keberahian nafsu. Mula-mula diterangkan peradaban-peradaban rumahtangga dan peradaban meminta keizinan penghuninya (sebelum memasuki sesebuah rumah) serta menyuruh supaya menahankan diri (dari memandangi pandangan yang diharamkan) dan melarang kaum perempuan dari menonjol-nonjolkan perhiasan melainkan kepada mahram, juga menggalakkan supaya mengahwinkan orang-orang yang masih bujang dan memberi amaran supaya jangan menolak gadis-gadis ke dalam lembah pelacuran. Semuanya ini merupakan saranan-saranan pencegahan dan pemeliharaan untuk menjamin kebersihan dan kesucian diri di alam hati nurani dan perasaan, juga untuk menolak pengaruh-pengaruh yang merangsangkan keinginan-keinginan haiwaniah yang menekankan saraf orang-orang yang baik dan suci hati ketika mereka menentang pengaruh-pengaruh yang menggoda dan menimbulkan keberahian nafsu.

Sayyid Qutb telah menggariskan empat cara utama untuk mengelakkan diri daripada terjebak ke lembah zina iaitu wasilah yang pertama adalah meminta izin untuk masuk rumah. Wasilah kedua adalah menundukkan pandangan. Manakala wasilah ketiga adalah memudahkan urusan perkahwinan dan wasilah keempat adalah haram memaksa hamba perempuan untuk berzina. (Muhammad Yusuf Abbas 1987)

Larangan memasuki rumah dan bilik ibubapa juga mempunyai kaitan dengan menjaga pandangan kerana besar kemungkinan sekiranya anak-anak terlihat perkara yang tidak sepatutnya mereka lihat, dibimbangi mereka akan menyimpan segala memori yang mereka nampak dan akhirnya melakukan tingkah laku yang melampaui batas. Ini bertepatan dengan kajian Love T. et al. (2015) yang menyatakan bahawa apa yang dilihat melalui mata, akan disampaikan kepada otak dan diproses dan secara tidak langsung jika dilihat secara berterusan, ia akan diproses menjadi memori jangka panjang seterusnya memberi kesan yang kuat kepada emosi dan tingkah laku seseorang.

Kajian di Malaysia mendapati kebanyakan pelajar universiti, remaja dan kanak-kanak telah terdedah kepada aktiviti pornografi. Maka adalah tidak mustahil aktiviti seterusnya selepas menyaksikan pornografi adalah melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT seperti hubungan seks secara haram atau zina. Pornografi boleh membawa kepada ketagihan seksual yang buruk dan tidak normal. Hal ini adalah disebabkan penonton pornografi akan beraksi berdasarkan apa yang dilihat, berfantasi dan berakhir dengan keputusan atau hasil yang merosakkan seseorang. (Nor Azah Abd Aziz dan Che Zarrina Saari 2011)

4.2 Menjaga Pandangan Dapat Menutup Jalan Godaan Nafsu Manusia

Setelah menghuraikan ayat yang berkaitan dengan meminta izin (*isti'dzan*), Sayyid Qutb (2010: 102) menyatakan bahawa al-Quran menutup jalan godaan nafsu berahi yang dirangsangkan oleh mata yang melihat bahagian tubuh badan yang memberahikan atau dirangsangkan oleh gerakgeri wanita yang menimbulkan nafsu keinginan

Setelah selesai menerangkan peradaban meminta izin untuk memasuki rumah-rumah kediaman orang lain iaitu satu peraturan pencegahan untuk membersihkan perasaan manusia dan menghindarkannya dari sebab-sebab sepintas lalu yang boleh menggoda nafsu mereka, maka al-Quran terus menutup jalan godaan nafsu berahi manusia supaya ia tidak terlepas bebas dari tali tambatannya, iaitu godaan nafsu berahi yang dirangsangkan oleh mata yang melihat bahagian tubuh badan yang memberahikan atau dirangsangkan oleh gerakgeri-gerakgeri wanita yang menimbulkan nafsu keinginan:

Antara sebab yang membawa kepada penyelewengan anak serta keruntuhan akhlak ialah seorang bapa yang membiarkan anak-anaknya menonton televisyen yang penuh dengan gambaran syahwat atau isi-isi yang berunsur lucu, pastinya anak-anak akan terdidik dengan sifat tidak berkeperibadian dan akan dibiasakan dengan sifat-sifat terbuka tanpa pegangan. (Abdullah Nasih Ulwan 2015)

Firman Allah SWT:

يَعْلَمُ حَائِنَةَ الْأَعْيُنِ وَمَا تُخْفِي الصُّدُورُ

Allah mengetahui pengkhianatan (penyelewengan dan ketiadaan jujur) pandangan mata seseorang, serta mengetahui akan apa yang tersembunyi di dalam hati.

Surah Ghafir (40):19

Oleh kerana itu, Sayyid Qutb menegaskan bahawa menahan mata dari memandangi wanita dari pihak lelaki merupakan satu peradaban diri dan satu usaha untuk mengatasi keinginan melihat bahagian-bahagian yang jelita dari wajah dan tubuh badan wanita. Ia juga merupakan satu usaha menutup jendela pertama dari jendela-jendela nafsu berahi dan satu tindakan mencegah sampainya tikaman anak panah nafsu yang beracun.

4.3 Kesan Tidak Menjaga Pandangan

Pada pandangan Sayyid Qutb (2010), antara kesan atau akibat tidak menjaga pandangan ialah:

- a) Nafsu akan merasai kepuasan secara liar tanpa terikat kepada sesuatu peraturan
- b) Akan wujud penyakit-penyakit saraf dan kompleks-kompleks jiwa akibat menahan nafsu selepas ia dirangsangkan kerana proses ini merupakan satu proses yang hampir sama dengan penyeksan jiwa.

Kajian Nor Azah Abd Aziz dan Che Zarrina Saari (2011) mendapati bahawa pornografi boleh membawa kepada ketagihan seksual yang buruk dan tidak normal. Hal ini adalah disebabkan penonton pornografi akan beraksi berdasarkan apa yang dilihat, berfantasi dan berakhir dengan keputusan atau hasil yang merosakkan seseorang.

4.4 Teori Freud Yang Merbahaya Tentang Pergaulan Lelaki Dan Perempuan

Sayyid Qutb (2010) juga mendedahkan tentang teori Freud yang mengatakan bahawa pandangan, percakapan dan percampuran yang bebas di antara lelaki dan perempuan, gurau senda yang meriah di antara muda dan mudi, melihat bahagian-bahagian badan yang sulit dan memberahikan itu memberi kesan positif kepada manusia, antaranya adalah:

- a. boleh merehatkan jiwa manusia
- b. boleh melepaskan keinginan-keinginan mereka yang terpenjara
- c. dapat memelihara mereka dari akibat penekanan dan pemendam terhadap nafsu berahi
- d. dapat menyelamatkan mereka dari kompleks-kompleks jiwa
- e. dapat meringankan mereka dari desakan keinginan seks dan tindakan liar yang tidak selamat untuk memuaskan hawa nafsu di sebaliknya.

Menurut HAMKA (2020) Sigmund Freud, ahli ilmu jiwa yang terkenal dari Austria ini berpandangan bahawa hubungan lelaki dan perempuan yang amat terbatas ini akan menimbulkan semacam tekanan batin pada seseorang. Oleh sebab itulah, dalam pergaulan bebas, sekadar pandang memandangi, bercakap bebas, bergaul dan bergurau senda yang tidak keterlaluan antara lelaki dan perempuan hendaklah dibiarkan supaya tekanan syahwat terpendam dapat dilepaskan sedikit.

Pandangan Freud dan seumpamanya ini amat merbahaya. Perkara ini diakui sendiri oleh Sayyid Qutb (2010: 103) dengan kata-katanya:

Saya telah melihat mereka mengidap berbagai-bagai penyakit dan kompleks jiwa yang selama ini difaham tidak akan berlaku melainkan apabila wujudnya penafian atau pengharaman, dan apabila wujudnya keinginan yang kuat untuk melihat perempuan atau jenis lawan yang terlindung. Saya melihat gejala ini begitu banyak dan melihat bagaimana ia melahirkan berbagai-bagai jenis kelakuan seks yang ganjil.

Oleh kerana Allah SWT yang mencipta dan mengetahui tentang manusia yang diciptanya, maka Islam telah menggariskan batas-batas pergaulan antara lelaki dan perempuan. Menurut Dr Anisah (1999), pada prinsipnya pergaulan di antara lelaki perempuan adalah dilarang. Namun dalam keadaan dan batas-batas tertentu seperti darurat, kemaslahatan, keperluan dan kebiasaan adat setempat ia dibolehkan dengan syarat yang terbabit mestilah menjaga batas-batas syarak, iaitu berpakaian menutup aurat, merendah pandangan dan bercakap dalam keadaan biasa dan normal yang tidak ada unsur fitnah.

4.5 Kaitan Antara Menjaga Pandangan dan Memelihara Anggota Kelamin dalam Ayat 30-31 Surah al-Nur

Sayyid Qutb (2010) telah menegaskan bahawa seseorang itu dapat memelihara anggota kelamin daripada melakukan zina adalah hasil daripada amalan menahan mata memandangi perkara yang haram. Oleh sebab itulah Allah SWT mengumpulkan perintah menahan mata dari memandangi yang haram dan perintah memelihara anggota kelamin dalam satu ayat sahaja kerana kedua-duanya mempunyai hubungan yang amat dekat. Lanya dikuatkan lagi dengan huraian (al-Syanqiti, 2006) bahawa Allah SWT telah memerintahkan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan untuk menundukkan pandangannya dan menjaga kemaluannya daripada melakukan perbuatan yang merosakkan seperti zina, homoseks, lesbian dan sebagainya.

Ibnu Qayyim (2007) menyatakan bahawa Allah SWT mendahulukan perintah menundukkan pandangan mata sebelum perintah menjaga kemaluan. Ini adalah kerana banyak musibah besar yang berasal daripada pandangan, seperti api yang besar berasal dari bunga api. Mulanya hanya khayalan, kemudian langkah nyata, kemudian tindak kejahatan besar (zina).

Kajian sains daripada Marilita (2014) juga memperakui bahawa mata mempunyai kaitan dengan otak dan tingkahlaku manusia. Beliau menjelaskan bahawa mata merupakan alat yang menyampaikan maklumat kepada otak melalui kod dan corak yang tersendiri. Tenaga cahaya yang masuk ke dalam mata manusia akan ditukarkan kepada rangkaian impuls elektrik (signal yang dihantar macam elektrik) yang juga merupakan bahasa yang dapat dibaca oleh otak.

Allah menyuruh orang-orang yang beriman melaksanakan langkah pencegahan ini kerana Dia Maha Mengetahui struktur jiwa manusia dan kejadian semulajadinya dan Maha Mengerti dengan gerak-geri hati dan pergerakan tubuh badan mereka:

إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu”

4.6 Lima Kesan Menjaga Pandangan

Sayyid Qutb (2010) juga menghuraikan kesan-kesan daripada menjaga pandangan. Terdapat 5 kesan yang dapat dilihat melalui penulisan ini iaitu:

- a) Menundukkan pandangan akan membuatkan perasaan-perasaan manusia lebih bersih.
- b) Menjaga pandangan adalah lebih selamat kerana ia tidak tercemar dengan nafsu berahi pada bukan tempatnya yang halal dan bersih,
- c) Menjaga pandangan akan dapat mengelakkan seseorang daripada terjerumus jatuh ke taraf yang lebih rendah daripada haiwan.
- d) Menjaga pandangan dapat melahirkan suatu masyarakat muslimin yang hidup dalam suasana yang lebih bersih.
- e) Mengawal pandangan mata juga menjadikan masyarakat lebih terpelihara kehormatan dan maruahnyanya

Tafsiran ini menepati beberapa pandangan Ibnu al-Qayyim (2011) yang menyatakan bahawa menundukkan pandangan memiliki beberapa manfaat, antaranya:

- a) Selamatnya hati daripada perasaan menyesal kerana barang siapa yang tidak menjaga pandangan, maka mereka akan sentiasa dilanda penyesalan.
- b) Terpancar cahaya dan kemuliaan di dalam hati orang yang menjaga pandangan itu dan terserlah pada mata, wajah dan anggota badannya.
- c) Melahirkan firasat ketajaman hati yang benar, kerana itu sebahagian dari cahaya dan kesannya
- d) Melahirkan kekuatan hati, keteguhan dan keberanian jiwa.
- e) Membuka baginya jalan-jalan ilmu agama dan pintu-pintunya dan memudahkannya untuk meraih pintu-pintu tersebut.
- f) Menyelamatkan hati daripada terpengaruh dengan hawa nafsu dan syahwat
- g) Menyelamatkan hati dari mabuk syahwat dan buaian kelalaian. Sebahagian ulama salaf mengatakan: *Sesungguhnya orang yang menentang hawa nafsunya, maka dia telah memisahkan diri dari bayangan syaitan.*”

4.7 Hukum Memperlihatkan Perhiasan Wanita

Sayyid Qutb (2010) amat memahami keinginan wanita yang mana setiap perempuan ingin menjadi cantik dan dipandang cantik. Walaupun perhiasan itu berbeza-beza dari satu zaman ke satu zaman, namun asas perhiasan itu adalah sama sahaja dalam fitrah perempuan, iaitu ingin mendapat dan menyempurnakan sifat-sifat kejelitaan dan menunjukkannya kepada kaum lelaki.

Ini diakui oleh kajian Rashidah Othman et.al. (2016) yang menyatakan bahawa fesyen menurut perspektif Islam adalah yang terbaik bagi wanita. Pensyariatannya sesuai dengan fitrah semula jadi wanita. Islam membenarkan wanita berfesyen, malah menyediakan panduan yang terbaik dapat memberi jaminan pada kesihatan fizikal dan spiritual wanita. Oleh itu, wanita perlu bijak dalam menganalisis dan mentafsir sebelum mengaplikasikan etika pemakaian Islam yang betul agar tidak melanggar fitrah manusia dan syaria Islamiyah.

Walau bagaimanapun Sayyid Qutb menegaskan bahawa Islam tidak menentang keinginan semulajadi untuk memandang atau dipandang cantik dan menarik tetapi Islam mahu mengatur dan mengawalinya. Islam mahu menjadikan keinginan semulajadi itu disalurkan kepada perkara yang jelas diizin oleh Allah SWT iaitu ke arah suaminya yang merupakan pasangan dan rakan kongsi hidupnya. Hanya suami yang dapat memandang bahagian-bahagian badannya, yang tidak boleh dipandang oleh orang-orang yang lain darinya. Selain suami ada juga golongan yang boleh memandang beberapa bahagian badan wanita seperti mahram-mahramnya atau mereka yang tidak mempunyai nafsu keinginan yang tercela apabila melihat wanita. Oleh kerana itu, Allah SWT telah menyenaraikan nama-nama golongan yang boleh dilihat dan dipandang agar hati seseorang lelaki itu tidak terdedah kepada ujian dan godaan hawa nafsu.

4.8 Suruhan dan Larangan Allah SWT dalam Tafsiran Ayat 31

Ayat 31 dalam surah al-Nur, secara khususnya Allah SWT telah menyarankan beberapa perkara kepada wanita dengan menambah beberapa suruhan dan larangan:

- a) Wanita dilarang melepaskan pandangan mereka yang menggoda atau jelingan mata yang boleh membangkitkan hawa nafsu yang terpendam di dalam dada lelaki.
- b) Wanita juga dilarang menyerahkan anggota kelamin mereka melainkan dengan cara pernikahan yang halal, yang menyahut panggilan keinginan seks semulajadi dalam suasana yang bersih, di mana kanak-kanak yang lahir dari hubungan ini tidak merasa malu berdepan dengan masyarakat dan kehidupan.
- c) Wanita juga dilarang memperlihatkan perhiasan (tubuh) mereka melainkan mana-mana bahagian yang ternampak darinya sahaja. Mereka harus mendedahkan muka dan dua tangan di depan ajnabi berdasarkan sabda Rasulullah SAW kepada Asma' binti Abu Bakr:

يا أسماء إن المرأة إذا بلغت المحيض, لم يصلح أن يرى منها إلا هذا - وأشار إلى وجهه وكفيه

"Wahai Asma'! Sesungguhnya seseorang perempuan itu apabila dia sampai usia datang haid tidak boleh dilihat bahagian badannya melainkan hanya bahagian ini sahaja." – Lalu baginda memberi isyarat kepada muka dan dua tapak tangannya.

- d) Wanita disuruh menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung mereka iaitu kain penutup kepala, leher dan dada untuk melindungi bahagian-bahagian badan mereka yang menimbulkan nafsu berahi agar tidak terdedah kepada pandangan-pandangan mata yang lapar. Begitu juga suruhan ini dibuat untuk mengelakkan diri daripada pandangan yang tidak disengajakan (mendadak atau terserempak) yang dijaga oleh orang-orang yang bertaqwa agar tidak terjadi pandangan yang berulang. Ini adalah kerana memandang wanita kadang-kadang boleh meninggalkan perasaan berahi yang terpendam di dalam hati lelaki apabila mereka terpancang kepada bahagian-bahagian badannya yang menggiurkan sekiranya bahagian-bahagian itu didedahkan olehnya.
- e) Wanita dilarang menghentakkan kaki mereka dengan tujuan supaya perhiasan yang tersembunyi itu diketahui oleh orang ramai. Al-Quran juga melarang perempuan-perempuan yang beriman dari memperlihatkan gerak-geri melalui lenggang-lenggok yang menunjukkan adanya perhiasan-perhiasan yang tersembunyi, yang boleh membangkitkan keinginan yang terpendam dan nafsu yang tidur walaupun mereka tidak mendedahkan perhiasan itu

Sayyid Qutb (2010) telah menggambarkan wanita-wanita di zaman jahiliyah sama dengan wanita-wanita sekarang di zaman jahiliyah moden. Mereka lalu di tengah-tengah kaum lelaki dengan dada yang terdedah tanpa dilindungi seurat benang pun. Kadang-kadang mereka menampakkan leher, rambut dan subang-subang telinga mereka.

Walaupun bagaimanapun, wanita-wanita yang beriman akan segera menyahut seruan Allah SWT ketika diperintahkan agar menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung dan melarang supaya jangan memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan bahagian yang nampak sahaja. Para wanita ini terus mematuhiya sebagaimana telah diceritakan oleh 'Aisyah r.a. katanya: "Allah cururkan rahmat ke atas anggota perempuan-perempuan Muhajirin yang pertama, kerana sebaik sahaja turun ayat:

وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ

mereka terus membelah kain lepas mereka untuk dijadikan kain kelubung lalu mereka berkelubung dengannya.

Sayyid Qutb (2010) juga menggambarkan wanita yang beriman pada masa kini telah memahami maksud kejelitaan atau kecantikan yang sebenar. Walaupun konsep kejelitaan seseorang wanita difahami dengan cara mendedah tubuh badan dan memuaskan nafsu kebinatangan, namun bagi wanita yang beriman mereka tetap menutup bahagian-bahagian tubuh badan mereka yang menimbulkan nafsu lelaki dengan penuh kepatuhan. Inilah yang menjadi suatu cabaran kerana dalam masyarakat masih ramai wanita yang mendedahkan dan menonjolkan hiasan badan yang menggiur dan mengajak serta membisik bertujuan untuk menarik perhatian kaum lelaki.

4.9 Golongan Yang Dikecualikan Dari Hukum Haram

Ketika menghuraikan ayat 31 ini juga Sayyid Qutb (2010) turut menyenaraikan mereka yang dikecualikan hukum haram seorang wanita mempamerkan perhiasannya. Ini adalah kerana berpakaian yang sopan santun itu merupakan salah satu saranan pencegahan untuk melindungi individu dan masyarakat dari godaan nafsu. Oleh sebab itulah al-Quran mengharuskan wanita menanggalkan pakaian ketika aman dari fitnah nafsu, iaitu dengan mengecualikan mahram-mahram yang pada adatnya tidak menaruh nafsu keinginan terhadap mereka.

Antara golongan yang dikecualikan ialah golongan mahram kepada wanita seperti bapa-bapa, anak-anak, bapa-bapa suami dan anak-anak lelaki mereka, saudara-saudara lelaki dan anak-anak lelaki mereka, juga anak-anak lelaki saudara-saudara perempuan. Begitu juga al-Quran mengecualikan perempuan-perempuan yang beriman.

أَوْ نِسَائِهِنَّ

"Atau perempuan-perempuan Islam sesama mereka"

Walaupun bagaimanapun, Sayyid Qutb dengan tegasnya menyatakan bahawa perempuan-perempuan yang bukan Islam tidak dikecualikan kerana mereka mungkin menceritakan kepada suami-suami mereka, saudara-saudara lelaki mereka dan lelaki-

lelaki yang seagama dengan mereka kecantikan-kecantikan dan aurat-aurat tubuh badan wanita-wanita Islam jika dilihat mereka. Beliau membawa dalil daripada hadis yang sahih riwayat al-Bukhari yang mana Nabi SAW telah bersabda:

لا تبأشر المرأة المرأة تنعتها لزوجها كأنه يراها

“Janganlah perempuan menggauli perempuan yang lain kemudian menceritakan sifat-sifat perempuan itu kepada suaminya seolah-olah ia melihatnya.”

Pandangan ini dikuatkan lagi oleh Ibn Kathir (2000) apabila mengetengahkan beberapa riwayat yang menyatakan bahwa Umar bin Khattab ra pernah berkirim surat kepada Abu 'Ubaidah ra melarang wanita-wanita kafir masuk ke pemandian-pemandian umum bersama wanita muslimah. Mujahid dan Ibnu 'Abbas juga melarang wanita muslimah menampakkan auratnya di hadapan wanita-wanita kafir.

Adapun wanita-wanita Islam mereka dianggap amanah kerana kesedaran keagamaan yang ada pada mereka akan menghalangkan mereka dari menceritakan kepada suami-suami mereka sifat-sifat tubuh badan seseorang wanita Islam yang lain dan perhiasan-perhiasannya.

Al-Quran juga mengecualikan hamba-hamba.

أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ

“Atau hamba-hamba yang dimiliki mereka”

Sayyid Qutb (2010) juga membawa pendapat yang mengatakan hanya hamba-hamba perempuan sahaja, dan menurut satu pendapat yang lain pula termasuk hamba-hamba lelaki, kerana hamba lelaki tidak menaruh nafsu berahi terhadap tuannya yang perempuan. Namun begitu beliau lebih cenderung kepada pandangan yang pertama, kerana hamba lelaki juga manusia yang mempunyai nafsu berahi manusia walaupun ia mempunyai kedudukan khas dalam sesuatu masa yang tertentu.

Sayyid Qutb (2010) juga menyatakan bahawa al-Quran mengecualikan mereka yang tidak berkeinginan:

أَوْ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ

“Atau pembantu-pembantu rumah dari lelaki-lelaki yang tidak mempunyai keinginan “

Mereka ialah lelaki-lelaki yang tidak menaruh keinginan terhadap perempuan kerana salah satu sebab dari sebab-sebab seperti mati pucuk, bodoh dan gila dan lain-lain sebab yang menahan lelaki dari mengingini perempuan, kerana fitrah nafsu keinginan tidak wujud di sini.

Seterusnya al-Quran mengecualikan kanak-kanak yang belum memahami tentang aurat:

أَوْ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى عَوْرَاتِ النِّسَاءِ

“Atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang aurat-aurat perempuan

laitu kanak-kanak yang tidak menaruh nafsu berahi apabila melihat tubuh badan perempuan, tetapi apabila mereka meningkat kepada usia mumayyiz dan mempunyai nafsu berahi walaupun mereka belum baligh, maka kanak-kanak kumpulan ini tidak termasuk di bawah pengecualian.

Pada akhir huraian tersebut, Sayyid Quṭb (2010) telah membuat kesimpulan bahawa seluruh mereka – selain para suami – tidak menjadi satu kesalahan untuk memandangi tubuh badan perempuan kecuali bahagian-bahagian anggota di bawah pusat hingga ke bawah lutut kerana tidak wujud fitnah nafsu yang kerananya anggota-anggota itu wajib ditutupkan, tetapi bagi para suami ia boleh melihat seluruh badan isterinya tanpa kecuali.

4.10 Hikmah Larangan Menghentakkan Kaki untuk Menarik Perhatian

Sayyid Quṭb (2010) berpandangan bahawa al-Quran melarang perempuan-perempuan yang beriman daripada memperlihatkan gerak-geri dan lenggang-lenggok yang menunjukkan adanya perhiasan-perhiasan yang tersembunyi, yang boleh membangkitkan nafsu syahwat yang terpendam dan nafsu yang tidur walaupun mereka tidak mendedahkan perhiasan. Larangan ini adalah bertujuan untuk mencegah daripada berlakunya perkara yang keji.

وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ

“Dan janganlah mereka menghentakkan kaki mereka (dengan tujuan) supaya diketahui orang perhiasan yang disembunyikan mereka.”

Perintah ini membuktikan satu pengertian yang amat mendalam terhadap tabi'at jiwa manusia, emosi-emosinya, sambutan-sambutan atau reaksi-reaksinya, kerana daya khayalan manusia kadang-kadang lebih kuat merangsangkan nafsu berahi dari pandangan mata kasar.

Dalam tafsiran ayat ini juga, Sayyid Quṭb (2010) mendedahkan ramai lelaki yang tergerak nafsu syahwat mereka dengan hanya melihat kasut perempuan atau bajunya atau perhiasannya dan nafsu mereka lebih kuat terangsang dengan melihat benda-benda itu dari melihat tubuh perempuan itu sendiri. Begitu juga ramai lelaki yang tergerak hawa nafsu mereka dengan hanya mengenangkan rupa perempuan itu di dalam khayalan mereka dan hawa nafsu mereka lebih kuat terangsang dengan kenangan itu dari melihat tubuh perempuan itu sendiri di hadapan mereka.

Kes-kes seperti ini memang terkenal di sisi pakar-pakar penyakit jiwa pada hari ini. Mendengar bunyi gemerang barang-barang perhiasan perempuan atau menghidu bau minyak wangi yang dipakai olehnya dari jauh kadang-kadang dapat menimbulkan nafsu berahi ramai lelaki. Ia mengacau saraf-saraf perasaan mereka dan menggoda mereka dengan keinginan seks yang kuat, yang tidak dapat ditolak mereka. Oleh itu al-Quran menutup segala jalan nafsu ini, kerana yang menurunkan al-Quran ini ialah

Allah yang Maha Mencipta, Maha Mengetahui jiwa makhluk yang diciptakan-Nya dan Dia Maha Halus serta Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya.

Pandangan seumpama ini amat jarang diketengahkan oleh para pentafsir lain. Beliau seolah-olah meluahkan apa yang dirasakan oleh kaum lelaki apabila berdepan dengan wanita yang tidak menjaga aurat dan pandangan mereka.

Sayyid Quṭb (2010) telah menutup huraian dua ayat ini dengan menyatakan bahawa al-Quran memulangkan seluruh hati manusia kepada Allah SWT dan membuka pintu taubat untuk mereka daripada kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Al-Quran juga menggerakkan kesedaran bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi dan mengasihi hamba-Nya terutama bila berhadapan dengan kelemahan menghadapi nafsu keinginan semulajadi.

5.0. Kesimpulan

Kajian mendapati bahawa Sayyid Quṭb dalam *Fi Zilāl al-Qur'ān* telah membuat kupasan yang terperinci tentang menjaga pandangan. Selain daripada menjaga pandangan merupakan langkah pencegahan daripada perlakuan zina, beliau telah mengaitkan kepentingan menjaga pandangan dengan suasana masyarakat yang bersih. Beliau juga menjelaskan beberapa hukum yang berkaitan dengannya, kesan-kesan dan akibat daripada tidak menjaga pandangan. Pendedahan Sayyid Quṭb tentang teori Frued yang boleh merosakkan ini sedikit sebanyak boleh menyedarkan masyarakat tentang bahayanya kefahaman yang boleh membawa kerosakan. Oleh sebab itu, perspektif Sayyid Quṭb ketika menghuraikan ayat 30-31 surah al-Nur ini perlu dikembangkan lagi agar orang Islam dapat memahaminya dengan jelas. Huraian ini juga membuktikan penguasaan Sayyid Quṭb dalam berbagai ilmu yang dapat membantu mentafsirkan al-Quran al-Karim.

Rujukan

Abdullah Nasih Ulwan, Dr. (2015) *Tarbiyatul Aulad Fil Islam*. Terj. Selangor: Publishing House,.

Abdurrahman Rusli Tanjung. (2014). Analisis Terhadap Corak Tafsir al-Adaby al-Ijtima'i. *Analytica Islamica*, 3(1), 162–177

Al-Jauziyah, Ibnu Qayyim. (2007) *Bahaya Zina*. Terj. Tim Darul Haq. Jakarta: Maktab Dakwah dan Bimbingan Jaliyat Rabwah,.

Al-Khālīdī, Ṣalāh 'Abd al-Fattāh. (2000). Sayyid Quṭb al-Adīb al-Nāqid wa al-Dā'iyah al-Mujāhid wa al-Mufakkir al-Rā'id. Damsyik: Dar al-Qalam

Al-Maraghiy, Ahmad Mustafa. (2001). *Tafsir al-Maraghiy Vol. 1* (Terj.. Muhammad Talib: Tafsir al-Maraghiy). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Syanqiti, Muhammad. al-Amin. (2006). *Aḍwā' al-Bayān*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

Anisah Ab Ghani. (2019). Batas-batas Pergaulan Antara Lelaki dan Perempuan Dalam Masyarakat Islam Kini: Satu Huraian Hukum Islam Semasa. *Jurnal Syariah*, 7(1), 23–30

Azmi Mohd Ali. (1986.). Biografi Asy-Syahid Sayyid Quṭb Rahimahullah. Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi.

HAMKA. (2020). Tafsir Surah An-Nur dan Juzuk 18. Selangor: PTS Publishing House

Ibn Kathir, Imad al-Din. (2000). Tafsir al-Quran al-Azim. Kaherah: Muassasah Qurtubah

Love, T., Laier, C., Brand, M., Hatch, L., & Hajela, R. (2015). Neuroscience of Internet pornography addiction: A review and update. *Behavioral sciences*, 5(3), 388-433.

Moschos, M. M. (2014). Physiology and psychology of vision and its disorders: a review. *Medical Hypothesis, Discovery and Innovation in Ophthalmology*, 3(3), 83.

Muḥammad Yūsuf Abbās. (1987). Miftaḥ Kunūz Fī Zīlāl al-Qur'ān (3rd ed., Vol. 2). Riyāḍ: Dār Ṭayyibah

Nafisah Tahir & Kamal Ashaari. (2016). Ajarkan Wanitamu Surah al-Nur. Kuala Lumpur: Pustaka Zhilal

Nor Azah Abdul Aziz Che Zarrina Saari. (2011). Menangani Permasalahan Laman Web Pornografi: Antara Perisian Penapis, Penguatkuasaan Undang-Undang dan Amalan Spiritual. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(1), 29–46. Retrieved from <http://merr.utm.my/id/eprint/1630>

Ole R. Holsti. (1969). *Content Analysis for the Sosial Sciences and Humanities*. California: Addison-Wesley Publishing Company

Rashidah Othman, Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof, Muhammad Amir Wan Harun. (2016). *Fesyen Wanita Menurut Perspektif Islam dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Fizikal dan Spiritual*, Skudai: UTM Press.

Robert Philip Weber. (1990). *Basic Content Analysis*. London : Sage Publications

Sayyid Quṭb. (2010). Tafsir Fi Zilalil Qur'an. Di Bawah Bayangan al-Quran, Terj Dato' Yusoff Zaky Haji Yacob, Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn, Bhd.

Sri Aliyah. (2013). Kaedah-Kaedah Tafsir Fi Zhilaali Al-Quran. *Jurnal Ilmu Agama*, 14(2), 39–60.

Syarifah Habibah. (2016). Metodologi Tafsir Pergerakan Al-Quran (Analisis Perbandingan Penafsiran Manhaj Haraki Sayyid Quthb dan Hamka terhadap Surah Al Baqarah Ayat 1–29). UIN Walisongo

Yusoff, Z. H. M. (2003). Tafsir Al-Mawdu'i: Kajian pensejarahan. *Al-Bayan Journal of Al-Quran & Al-Hadith*, 1, 27-41.

www.lidwa.com